

16 APR 2002

Mahathir-Palestin/I

RUNDINGAN BUKAN PENYELESAIAN BAGI PALESTIN, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Mohd Arshi Daud

RABAT, MAGHRIBI, 16 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rundingan bukanlah kunci bagi menamatkan ketegangan yang memuncak di Palestin.

"Kita berpegang kepada kepercayaan bahawa kamu tidak boleh berunding apabila ada pihak yang mengacukan senjata pada kepala kamu. Israel mesti berundur dahulu," kata beliau pada persidangan media bersama dengan rakan sejawatannya dari Maghribi Abdurrahmane Youssoufi di sini.

Persidangan media bersama itu diadakan selepas mesyuarat delegasi dari Malaysia dan Maghribi dengan diketuai oleh perdana menteri kedua-dua negara. Dr Mahathir sebelumnya telah mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Maghribi itu.

Dr Mahathir kini berada di Maghribi untuk lawatan empat hari. Beliau mengetuai delegasi mengandungi 185 anggota terdiri daripada menteri Kabinet, para pegawai dan ahli perniagaan.

Lawatan itu adalah sebahagian daripada lawatannya ke tiga negara termasuk Libya dan Bahrain bertujuan untuk memperkukuhkan hubungan ekonomi dan dua hala antara Malaysia dan ketiga-tiga negara itu.

Dr Mahathir berkata cara terbaik untuk menamatkan keganasan ialah melenyapkan punca keganasan itu dan satu daripadanya ialah pendudukan Israel ke atas wilayah Palestin dan keengganannya untuk berundur.

"Tetapi ada punca lain yang berbentuk penindasan ke atas umat Islam di kebanyakan tempat di dunia," kata beliau.

Dr Mahathir berkata rakan sejawatannya dari Maghribi dan beliau sendiri bersetuju bahawa Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) harus memperkuat pendiriannya dan mempunyai pandangan bersama tentang bagaimana untuk menangani masalah itu.

"Malaysia akan menganjurkan mesyuarat OIC tahun depan dan kita berharap kita dapat mencapai persetujuan bagi pendirian bersama untuk menangani kebanyakan masalah yang melanda dunia Islam," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir mengulangi harapan Perdana Menteri Maghribi bahawa lawatannya akan meningkatkan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua negara sambil berkata pemeteraian enam perjanjian antara pihak-pihak dari kedua-dua negara akan memberi sumbangan ke arah pencapaian objektif ini.

Dr Mahathir dan Youssoufi sebelumnya menyaksikan pemeteraian perjanjian jaminan pelaburan, memorandum persefahaman (MOU) bagi kerjasama dalam teknologi maklumat dan komunikasi, memorandum persefahaman bagi kerjasama dalam promosi industri dan memorandum kerjasama bagi kerjasama untuk promosi eksport.

Bagi pihak Malaysia, Kedua-dua perjanjian pertama ditandatangani oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar sementara dua lagi oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Sidek Hassan dan Sukandar Abdul Latiff, Pengarah Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Dua lagi kontrak ditandatangani oleh presiden dan ketua pegawai eksekutif Petronas Tan Sri Mohd Hassan Marican bagi dua Kontrak Reconnaissance dengan Office National de Recherches et d'Exploitations Pétrolières (ONAREP), syarikat minyak nasional Maghribi.

Pemeteraian itu ialah bagi kawasan darat di Lembangan Missouri Basin dan kawasan pesisiran di kawasan Rabat Sale Haute Mer.

Kontrak itu ialah bagi membolehkan pemberian Lesen Reconnaissance oleh Kementerian Tenaga Maghribi.

Dr Mahathir berkata sektor awam dan swasta kedua-dua negara harus membuat lawatan susulan bukan sahaja bagi melaksanakan perjanjian yang dimeterai hari ini tetapi juga meningkatkan hubungan.

Mengenai pertemuannya dengan Youssoufi, Dr Mahathir berkata pertemuan itu amat berhasil kerana kedua-dua pihak dapat membincangkan isu-isu berkaitan hubungan dua hala dan hal ehwal antarabangsa.

Beliau berkata Malaysia menyifatkan Maghribi sebagai negara Islam yang penting dan peningkatan kerjasama dengan Rabat akan memperkukuhkan persaudaraan Islam.

Terdahulu, semasa mesyuarat delegasi, Dr Mahathir menawarkan tempat kepada rakyat Maghribi untuk melanjutkan pengajian di Universiti Multimedia di Malaysia.

"Ini akan memberi sumbangan ke arah meningkatkan keupayaan rakyat Maghribi untuk menghadapi perkembangan teknologi komunikasi maklumat," kata beliau.

-- BERNAMA

MAD MAD FAZ